



## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### DUA SET EMU PERTAMA ETS3 TIBA DI MALAYSIA

BATU GAJAH, 25 April 2025 – Saya telah mengadakan lawatan kerja ke Depoh KTMB Batu Gajah hari ini dan ingin berkongsi perkembangan terkini yang amat menggembirakan buat pengguna perkhidmatan ETS oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Dua (2) set pertama tren ETS3—iaitu untuk laluan ke arah selatan sehingga JB Sentral—telah selamat tiba di Malaysia. Kedua-dua set tren jenis EMU (Electric Multiple Unit) ini telah siap sepenuhnya dan kini sedang menjalani ujian teknikal, termasuk ujian dinamik (dynamic testing) dan fault-free testing. Sekiranya semua ujian ini berjalan lancar, tren-tren tersebut dijangka mula beroperasi menjelang Ogos 2025.

Selain dua (2) set awal ini, baki lapan (8) set tren sedang dipasang secara berperingkat di kilang pemasangan CRRC di Batu Gajah. Kesemua sepuluh (10) set dijadualkan siap dan beroperasi sepenuhnya menjelang awal tahun hadapan, seterusnya memperkukuh kapasiti perkhidmatan rel negara.

Kilang pemasangan CRRC di Batu Gajah kini mempunyai lebih 85% tenaga kerjatempatan, sekali gus mencerminkan potensi besar dalam pemindahan pengetahuan dan kepakaran kepada bakat tempatan. Komposisi tenaga kerja yang tinggi ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan industri rel nasional, tetapi juga meletakkan Malaysia di landasan yang kukuh untuk menjadi hab kejuruteraan rel serantau pada masa hadapan.

Kerajaan akan terus komited untuk memperkukuh sistem pengangkutan awam negara demi kemudahan dan keselesaan rakyat.

**LOKE SIEW FOOK**  
**25 APRIL 2025**

**-TAMAT-**